

Ahli2 Umno diajak rapatkan barisan tetap bersatu

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengajak seluruh ahli UMNO membaharui ikrar taat setia dan sanggup berkorban kepada parti, agama dan negara.

Dalam ucapan su-lungnya sebagai Presi- den UMNO yang baru di akhir Perhimpunan Agung UMNO lewat petang ini, beliau berkata, kejayaan UMNO adalah ke- jayaan kita semua.

Beliau mensifatkannya sebagai satu penghargaan yang tinggi atas kepercayaan ahli-ahli parti memilih beliau memimpin UMNO menggantikan Datuk Hussein.

"Saya sanggup memberi semua tenaga dan fiki- ran kepada UMNO selagi saya dikehendaki berkhidmat dengannya," ujarnya.

Dalam konteks ini, tam- bah Datuk Seri Dr. Mahathir, beliau m e m e r l u k a n sokongan, bantuan dan kerjasama yang tidak berbelah bagi dari ra- kan-rakannya dalam Majlis Tertinggi dan pemimpin UMNO di semua peringkat.

Beliau menegaskan, ahli- ahli UMNO patut merapatkan semula barisan kekuatan dan perpaduan parti selepas pemilihan, ke- rana masih banyak kerja yang hendak dis- elenggarakan.

Beliau berharap semua pihak menerima keputusan pemilihan itu dengan semangat demokrasi.

Katanya: "Tidak ada orang yang menang dan yang kalah dalam pertandingan UMNO. Saya yakin sesudah pemilihan jawatan-ja- watan yang baru saha- ja selesai dilakukan, UMNO akan sekali lagi merapatkan barisan dan tetap bersatu."

Katanya, semua pemim- pin yang bertanding untuk semua jawatan adalah orang-orang yang berjiwa UMNO, tidak ada yang kurang UMNO dari yang lain. Soal dari wilayah mana kita datang tidak timbul.

Tegasnya, telah menjadi kenyataan sebahagian matlamat UMNO telahpun tercapai. Nam- un perjuangan UMNO tidak akan berakhir.

"Selagi ada UMNO, selama itulah tugas yang hendak dilaksanakan untuk m e m p e r b a i k i kedudukan orang Melayu, Bumiputera, agama dan tanahair akan berterusan," ujarnya.

No.

No.

57 57